



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 13, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511  
Faks : 603-88886188

## **KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 22 MEI 2010**

Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan bahawa penularan jangkitan virus Influenza A(H1N1) MASIH aktif di dalam komuniti di mana laporan kejadian kluster masih terus diterima. Penularan jangkitan ini cukup mudah berlaku di tempat tumpuan orang ramai berkumpul atau bersesak-sesak. Masyarakat digesa mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan H1N1 yang terbukti berkesan sebelum ini seperti berikut:-

1. Mereka yang mempunyai gejala *influenza like-illness* (ILI) seperti demam, batuk, selsema dan sakit tekak dinasihatkan supaya TIDAK pergi ke tempat tumpuan ramai. Jika mereka yang bersimptom ini terpaksa keluar dan berhubungan dengan orang lain, mereka diminta untuk memakai penutup hidung dan mulut bagi mengelakkan penyebaran virus kepada individu sihat yang lain.
2. Basuh tangan dengan kerap dengan menggunakan air atau *sanitiser*, terutamanya selepas batuk atau bersin.
3. Amalkan adab batuk yang baik iaitu dengan menggunakan tisu atau sapu tangan apabila batuk atau bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan jangan berkongsi sapu tangan.
4. Amalkan cara hidup sihat iaitu dengan mengambil diet yang seimbang, kerap bersenam, tidur secukupnya dan minum banyak air.
5. Elakkan pergaulan rapat dengan mereka yang mempunyai gejala ILI.

6. Mereka yang mengalami gejala ILI perlu mendapatkan rawatan segera di klinik yang berdekatan.

Mengenai aktiviti harian, sehingga jam 8:00 pagi pada 22 Mei 2010, Kementerian telah menerima sejumlah sembilan (9) laporan kejadian kluster ILI daripada tujuh (7) negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 21 Mei 2010, sejumlah 17 kes disahkan positif Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 14,631. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 577 kes. Daripada jumlah tersebut, 76 kes (13.2%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan kes di ICU ialah lapan (8) kes dengan kesemuanya mempunyai faktor risiko.

Kementerian Kesihatan telah menerima satu (1) laporan kematian H1N1 yang disebabkan jangkitan virus influenza A(H1N1). Ini menjadikan jumlah terkumpul kematian H1N1 sehingga hari ini 86 orang.

Satu kematian yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Seorang lelaki berumur 48 tahun tanpa sebarang faktor risiko telah mengalami gejala demam selama tiga hari dan batuk selama seminggu sebelum dimasukkan ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang pada 6 Mei 2010. Beliau mengalami masalah pernafasan akibat pneumonia yang teruk semasa dalam rawatan dan meninggal dunia pada 9 Mei 2010. Hasil perbincangan pakar-pakar telah mengesahkan bahawa penyebab kematian ialah akibat jangkitan virus influenza A(H1N1).

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan virus Influenza A(H1N1) seperti fasiliti kesihatan kerajaan yang menyediakan kemudahan pelalian kepada kumpulan berisiko, serta langkah-langkah pencegahan, boleh melayari laman sesawang <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia  
Tarikh: 22 Mei 2010

**Lampiran 1**  
**Senarai Laporan Kejadian Kluster Influenza-Like Illness (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 22 Mei 2010**

Bil.	Lokasi	Bil. Terdedah (orang)	Bil. Kes ILI di dalam kluster (orang)	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1.	Keluarga di Bagan Serai, Perak	6	5	Masih menunggu keputusan	Kesemua kes diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
2	Sekolah Menengah Seri Jengka, Pahang	637	7	Masih menunggu keputusan	Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
3	Sekolah Kebangsaan Othman Syawal, Melaka	775	5	Masih menunggu keputusan	Kesemua kes diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
4	SJKC Chung Hwa 1, Butterworth, Pulau Pinang	535	2	2 sampel positif	Kedua-dua kes dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral.
5.	Keluarga Taman Mawar, Pasir Gudang, Johor	6	2	2 sampel positif	Kedua-dua diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar.
6.	Keluarga di Taman Setia Indah, Johor	5	3	Masih menunggu keputusan	Satu kes dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral dan seorang lagi diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar.
7.	SK Ng Selangau, Sarawak	284	20	Masih menunggu keputusan	Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
8.	Masterskill Jalan Kuala Kangsar, Ipoh, Perak	2769	39	Masih menunggu keputusan	Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar. Kes diisolasi di asrama.
9.	Keluarga No. 208 Jln Ampang Indah, Ampang Pecah, Hulu Selangor, Selangor	5	4	Masih menunggu keputusan	Satu kes dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral dan selebihnya diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar.